

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 ( 51 )

3 Mac 2024  
22 Syaaban 1445

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.8/2024

### PENUBUHAN FAKULTI KECERDASAN BUATAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) telah memperakukan kelulusan Mesyuarat Senat Bil. 4, Sesi 2023/2024 pada 31 Januari 2024 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas pada 9 Februari 2024 bagi cadangan penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan (FKB) / *Faculty of Artificial Intelligence (FAI)* di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui surat mereka bertarikh 20 Februari 2024.

2. Penubuhan fakulti ini adalah bagi menyahut pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia - YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 bertemakan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, dimana UTM diumumkan dipilih sebagai universiti awam yang akan merealisasi hasrat negara bagi menubuhkan Pusat Pengajian Kecerdasan Buatan pertama di Malaysia.
3. Penubuhan fakulti ini melalui kaedah penstrukturkan semula Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR) yang mempunyai empat (4) jabatan seperti berikut;
  - a) Kecerdasan Informatik;
  - b) Kejuruteraan Pintar dan Teknologi Termaju;
  - c) Kecerdasan Bisnes, Kemanusiaan dan Tadbir Urus;
  - d) Kreatif AI
4. Objektif utama penubuhan fakulti ini bagi memenuhi keperluan negara bergerak pantas dalam menerajui bidang tujuan masa hadapan sejajar dengan ledakan transformasi digital yang merentasi pelbagai disiplin ilmu antaranya teknologi pembuatan, kewangan, kesihatan, pertanian, tenaga diperbaharui, keselamatan, ekonomi serta perkhidmatan awam. Bidang kecerdasan buatan dijangka mampu memberi penyelesaian tugas-tugas kompleks melalui digital dan membantu dalam pembuatan keputusan.
5. Penubuhan entiti akademik baharu ini berkuat kuasa mulai **20 Februari 2024**. Walau bagaimanapun struktur, program, pelajar dan staf sedia ada akan kekal di FTIR sehingga semua urusan penempatan pelajar dan staf akademik selesai.

Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai kewujudan *FAI*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| s.k | - | Naib Canselor                                       |
|     | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)                |
|     | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)     |
|     | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)    |
|     | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
|     | - | Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)         |
|     | - | Pengarah Kampus UTM Pagoh                           |
|     | - | Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah                |